MAIPs

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
(MAIPs)

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam **kod bidang 220801** seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:-

No.Tajuk Sebutharga	Kod Bidang Pendaftaran
MAIPs.(S) 30 JLD 9 BIL 3/2023 **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**	**220801** **KAWALAN KESELAMATAN** (Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) Seksyen 2(a))

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di pejabat Majlis Agama Islam Perlis, A2 Taman Pengkalan Asam, Jalan Kangar-Alor Setar, 01000 Kangar, Perlis mulai pada **26 Mei 2023 (Jumaat) hingga 9 Jun 2023 (Jumaat))** pada waktu pejabat atau muat turun melalui portal MAIPs https://www.maips.gov.my

3. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan menulis Kod Sebut Harga **(MAIPs.(S)30 JLD 9 BIL 3/2023)** di penjuru kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di PEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM PERLIS **sebelum atau pada 9 Jun 2023 tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari**.

4. Majlis Agama Islam Perlis tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagaimana atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
Tarikh Iklan : 26 MAY 2023

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu * PERLIS *

MAIPs

MAIPs.(S)30 JLD 9 BIL 3/2023

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebutharga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Penyebutharga. Penyebutharga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebutharga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Tempatan sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220801 – Kawalan Keselamatan (Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) Seksyen 2(a)).**

3.0 TEMPOH PENYERAHAN

3.1 Tempoh kontrak adalah selama tiga puluh (30) hari dari tarikh kelulusan deraf akhir.

3.2 Penyebutharga adalah diwajibkan untuk mengisi ruangan tarikh pada penyerahan/penyempurnaan penghantaran mengikut kemampuan penyebutharga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebutharga (Lampiran Q). Kegagalan penyebutharga berbuat demikian boleh menyebabkan sebutharga ditolak. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada penyebutharga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan.

3.3 Penyebutharga hendaklah memaklumkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis satu (1) Minggu awal sebelum penghantaran bekalan dibuat; dan

3.4 Pegawai pengawas berhak untuk membuat pemeriksaan ke atas barangan yang dibekalkan sebelum penyerahan bekalan disahkan.

4.0 PEMATUHAN SPESIFIKASI

Pematuhan spesifikasi bekalan adalah seperti di **Lampiran B.**

5.0 DOKUMEN PENYEBUTHARGA

Satu (1) set Dokumen Sebutharga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebutharga	
2	Lampiran A	Borang Sebutharga (Lampiran Q)
	Lampiran B	Pematuhan Spesifikasi
	Lampiran C	Jadual Tawaran Harga / Bill Of Quantity
	Lampiran D	Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah
	Lampiran E	Keterangan Mengenai Syarikat
	Lampiran F	Surat Akuan Pembida
	Lampiran G	Surat Perwakilan Kuasa
	Lampiran H	Pengalaman Syarikat
	Lampiran I	Format Bon Pelaksanaan
	Lampiran J	Senarai Semak Sebutharga

6.0 SEBUTHARGA

Penyebutharga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebutharga yang telah diberikah kepada mereka.

6.1 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani borang sebutharga. Borang sebutharga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.

6.2 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam borang Sebutharga hendaklah ditulis dengan terang mengunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan.

6.3 Sebutharga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia.**

6.4 Sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana Sebutharga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan sebutharga tidak dipertimbangkan.

7.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

7.1 Penyebutharga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebutharga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebutharga untuk melaksanakan projek yang disebutharga, di samping kemunasabahan harga sebutharga. Justeru itu, keupayaan sebutharga ada dinilai semasa penilaian sebutharga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalamam kerja, kakitangan/pekerja dan prestasi kerja semasa penyebutharga.

7.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebutharga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebutharga yang dikemukakan:-

a) Pematuhan Spesifikasi
b) Jadual sebutharga
c) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran daripada Kewangan dalan Kod Bidang **220801**
d) Salinan Sjili Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia
e) Salinan Penyata Bank / Salinan Penyata bank bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut
f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri
g) Senarai Pengalaman Kerja
h) Satu (1) set Profil Syarikat
i) Senarai semak sebutharga

8.0 PENYERAHAN SEBUTHARGA

8.1 Dokumen Sebutharga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **Perenggan 5.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan **Perenggan 7.2.**

8.2 **Dokumen Sebutharga hendaklah disediakan dalan dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai 'Asal' atau *'Original'* manakala satu (1) dokumen salinan dicop sebagai 'salinan' atau *'Duplicate'*.**

8.3 **Para penyebutharga HANYA DIBENARKAN menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para Penyebutharga DILARANG SAMA SEKALI menandakan/meletakkan apa-apa nama dan tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/identity penyebutharga di dalam satu (1) dokumen salinan.**

8.4 Kedua-dua salinan dokumen sebutharga yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut:-

NO.SEBUTHARGA: MAIPs(S) 30 JLD. 9 BIL 3/2023 – SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

Tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebutharga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga dan dialamatkan kepada:-

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
A2, TAMAN PENGKALAN ASAM
JALAN TUANKU SYED PUTRA
01000 KANGAR
PERLIS

Pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari yang dinyatakan dalam iklan Sebutharga. Mana-mana Sebutharga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

8.5 Sebut harga menggunakan telegraf atau faks adalah tidak diterima sama sekali.

8.6 MAIPs tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana

8.7 tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.

8.8 MAIPs tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyebutharga semasa menyedia dan menghantar sebutharga.

9.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUTHARGA

Sebutharga yang telah diterima daripada penyebutharga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh Sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebutharga ditutup. Penyebutharga yang berjaya akan dimaklumkan oleh MAIPs dalam tempoh ini.

10.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

10.1 Sebarang Perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)

10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)

10.3 Tanpa Prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan

10.4 Mana-mana kontraktor atau penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengcegahan Rasuah 2009 (Akta 694)

10.5 ***INTEGRITI PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

10.6 Kesemua penyebutharga yang menghantar dokumen sebutharga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran F)** bahawa penyebutharga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran G)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagi tanda beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak MAIPs bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.

10.7 Penyebutharga yang Berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh MAIPs juga dikehendaki menandangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

11.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

Penyebutharga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebutharga boleh dikenakan tindakan seperti berikut :

11.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebutharga

j) Menarik diri
ii) Pakatan harga
iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebutharga
v) Menerima dan memberi rasuah

11.2 Kesalahan Kerana melanggar syarat kontrak
i) Lewat menghantar bekalan
ii) Tidak menepati speksifikasi
iii) "sub kontrak" tanpa persetujuan MAIPs
iv) Menerima dan memberi Rasuah

11.3 Jenis-jenis Tindakan/Hukuman
i) Amaran
ii) Denda
iii) Penamatan kontrak
iv) Batal Tajuk pendaftaran
v) Gantung pendaftaran
vi) Senarai Hitam syarikat
vii) Merampas bon pelaksanaan

12.0 HAK MAIPs APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

12.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, MAIPs boleh mengambil tindakan mana-mana atau apa-apa gabungn perkara berikut:-

12.1.1 Menolak perkhidmatan apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebutharga menggantikan bekalan/perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh MAIPs. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, MAIPs boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebutharga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada MAIPs.

12.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan.

12.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon pelaksanaan, jika ada; dan

12.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:

Jumlah Nilai Perolehan	**Denda**
Sehingga RM20,000.00	0.1% daripada nilai perolehan
RM 20,000.00 – RM 199,999.99	
RM 200,000.00 – ke atas	

bagi setiap hari Kelewatan

13.0 SURAT SETUJU TERIMA

13.1 MAIPs adalah berhak menyetuju terima sebutharga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. MAIPs tidak terikat untuk menerima tawarawan yang paling murah atau sebarang tawaran.

13.2 Keputusan MAIPs adalah muktamad. MAIPs tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebutharga-penyebutharga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.

13.3 Penyebutharga-penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan MAIPs sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebutharga, maka suatu ikatan kontrak telah terwujud antara penyebutharga dengan MAIPs.

14.0 BON PELAKSANAAN

14.1 Penyebutharga-penyebutharga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank dari bank-bank yang diluluskan dan berdaftar du Malaysia **sekiranya nilai perolehan melebihi RM 200,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja)**

14.1.1 2.5% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak bernilai RM200,000.00 sehingga RM 500.000.00 atau

14.1.2 5.0% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak perkhidmatan yang bernilai RM 500,000.00 atau lebih.

14.2 Bon pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh perbendaharaan sama ada dalam bentuk:

14.2.1 Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ Syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau

14.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau

14.2.3 Jaminan Insuran yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau

14.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau

14.2.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan bank Perusahaan kecil & sederhana (SME Bank)

14.3 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak ini tidak dilaksankan dengan sempurna dan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas. Bon pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) tawaran dikeluarkan. Kelewatan penyerahan Bon Pelaksanaan akan menyebabkan SST dibatalkan dan seterusnya kontrak ditamatkan. MAIPs adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan perlaksanaan sebutharga ini berjalan seperti yang dirancang.

14.4 Penyebutharga yang berjaya hendaklah menggunakan Format Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran I** tanpa sebarang pindaan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah tamat satu (1) tahun selepas tarikh tamat kontrak.

SYARAT-SYARAT AM

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah di pakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat-syarat butir-butir.

5. PENYETUJUAN

(i) MAIPs tidak terikat untuk menyetuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.

(ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(iii) MAIPs adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

(iv) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang-barang yang rendah mutunya atau berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya.

(ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

(iii) Fasa-fasa (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak kerajaan untuk mendapatkan gati rugi kerana kemungkinan kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs terlebih dahulu.

10. **TAFSIRASN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau peselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

(i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan

(ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

17. **PEMBUNGKUSAN**

(i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.

(ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja dan belanja pembungkusan.

(iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut.

LAMPIRAN A : BORANG SEBUTHARGA (LAMPIRAN Q)

MAIPs

(Kew.284-Pin.5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI PERLIS

Bila Menjawab, sila nyatakan nombor ini:

No.Sebut Harga
MAIPs.(S) 30 JLD 9 BIL 3/2023

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan di baca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada perjanjian sebut harga.

Kepada (Nama Syarikat)

No.Telefon:
No.Pendaftaran dengan kementerian Kewangan:
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini :-

220801

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
A2, TMN. PENGKALAN ASAM, PERSIARAN TUANKU SYED PUTRA,
01000 KANGAR, PERLIS
NO. TEL : 04-979 4439

Tarikh: **26 MEI 2023**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1	Syarat Penyerahan / Penyempurnaan	:	**Rujuk Arahan kpd Penyebutharga para 3.0**
1.2	Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki	:	
1.3	Arahan Pengiriman	:	**Rujuk Arahan kpd. Penyebutharga para 7.0**
1.4	Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan bertanda	:	**No.Sebutharga MAIPs.(S) 30 JLD 9 BIL 3/2023**

1.5 Penyebutharga **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri satu sesi taklimat seperti yang tertera pada kenyataan tawaran iklan sebut harga.

1.6 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **9 JUN 2023**

1.7 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

1.8 Pembekal perlu menyediakan di dalam 2 salinan (1 Asal dan 1 salinan). Salinan kedua **TIDAK** perlu dinyatakan nama/cop/butiran syarikat)

Tandatangan : .....
Nama Pegawai : **HAJI MOHD NAZIM BIN MOHD NOOR**
Jawatan : **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPs**
Tarikh : 26 MAY 2023

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu ★ PERLIS ★

Jadual Sebutharga:-

Bil.	Perihal Bekalan/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit/ Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/ Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	Rujuk Lampiran sebutharga **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**				**RM** HARGA ADALAH TERMASUK SST 6%

*Sila sertakan sesalinan sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
penyebut harga :.....

Tarikh : .....

Nama dan K/P :.....

Alamat Syarikat :.....

LAMPIRAN B: PEMATUHAN SPEKSIFIKASI

PEMATUHAN SPESIFIKASI

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN	
		YA	TIDAK
1.	**AM**		
1.1	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan meliputi tugas:		
	Menjaga dan mengawal segala bentuk keselamatan terhadap pelawat, kakitangan, bangunan, persekitaran, barang-barang luar dan dalam bangunan dan semua harta benda yang terdapat dalam bangunan setiap masa.		
	Menjalankan semua bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh pihak Pengurusan Majlis dari masa ke semasa.		
2.	**BANGUNAN MAIPs**		
	Bangunan MAIPs adalah seperti berikut; i. No. A2, Taman Pengkalan Asam, Jalan Tuanku Syed Putra, 01000 Kangar, Perlis ii. 9, Lorong Tunggal, Taman Pengkalan Asam, Jalan Tuanku Syed Putra, 01000 Kangar, Perlis iii. Dewan Kuliyyah MAIPs, Behor Temak, Kangar, Perlis		
3.	**WAKTU KAWALAN**		
3.1	Mengadakan kawalan keselamatan semasa dan selepas waktu pejabat termasuk hari Sabtu, Ahad dan Hari kelepasan Am		
	i. Memeriksa dan memastikan semua lampu dalam bangunan ditutup kecuali tempat-tempat tertentu sahaja dinyalakan.		
	ii. Memasang lampu-lampu keselamatan seperti lampu di bahagian luar bangunan dan 'spotlight' mengikut kesesuaian masa.		
	iii. Memeriksa dan mengunci pintu-pintu keluar/masuk selepas waktu pejabat dan arahan dari semasa ke semasa.		
	iv. Memeriksa dan memastikan orang awam dan kakitangan Majlis yang tidak berkenaan agar tidak berada di dalam Kawasan/bangunan kecuali mendapat kebenaran Pengurusan Majlis.		
	v. Membuat rondaan dan kunci Jam Keselamatan iaitu bermula pada jam 7.00 malam hingga 7.00 pagi di 3 'check point' yang disediakan pada setiap 2 jam sekali hari bekerja.		
4.	**STRUKTUR PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN YANG DIPERLUKAN**		
4.1	Pengawal hendaklah datang lebih awal sebelum bertukar waktu bertugas dengan Pengawal shift siang. Waktu bertugas adalah dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam dan 7.00 malam hingga 7.00 pagi hendaklah dipatuhi.		
4.2	Penggantian Pengawal perlu dilakukan jika Pengawal yang diarahkan bertugas pada waktu yang telah ditetapkan tidak dapat menjalankan tugasnya.		

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN	
		YA	TIDAK
5.	**TUGAS-TUGAS LAIN**		
5.1	**Pondok Pengawal/Kaunter Pengawal**		
	i. Pondok Pengawal/Kaunter Pengawal hendaklah dalam keadaan bersih, kemas dan teratur setiap masa.		
	ii. Semua Buku Laporan hendaklah ditulis dengan terang, kemas, teratur setiap masa.		
	iii. Lampu di Pondok Pengawal/Kaunter Pengawal mesti dipasang sepanjang malam.		
5.2	**Pintu Masuk Utama**		
	Pintu masuk utama hendaklah ditutup pada jam 5.30 petang setiap hari. Keluar masuk kenderaan orang awam di Dewan Kuliyyah MAIPs, Behor Temak selepas waktu pejabat perlulah mendapat kebenaran Ketua Jabatan.		
5.3	**Pelawat-pelawat/ Orang Awam**		
	Semua Pelawat/ Orang Awam seperti kontraktor syarikat penyelenggaraan, penggambaran atau sesiapa yang berkenaan yang berada di premis dan persekitaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis selepas waktu pejabat perlu dicatat nama dan nombor pendaftaran kenderaan serta tujuannya.		
5.4	**Orang-orang Tertentu**		
	Kakitangan yang dibenarkan masuk ke bangunan dan Kawasan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis selepas waktu pejabat ialah kakitangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pengawal Keselamatan Kerajaan Malaysia, anggota-anggota keselamatan seperti Polis, Bomba dan lain-lain.		
5.5	**Kenderaan**		
	i. Kenderaan yang membawa keluar masuk barang-barang mesti diperiksa dengan teliti.		
	ii. Pastikan semua jenis kenderaan diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan.		
	iii. Barang-barang atau harta benda Majlis boleh dibawa keluar setelah mendapat syarat bertandatangan daripada Pengurusan Jabatan.		
5.6	**Buku Laporan**		
	i. Buku Laporan Harian, Buku Laporan Keluar/masuk kenderaan.		
	ii. Buku Pengambilan/Penyerahan Kunci.		
6.	**KEANGGOTAAN PENGAWAL**		
6.1	Kontraktor dikehendaki menyediakan pengawal-pengawal keselamatan yang terlatih. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Salinan sijil yang menunjukkan Ketua Pengawalnya telah menjalani sekurang-kurangnya latihan yang dianjurkan oleh Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) atau lain-lain agensi dalam bidang yang sama.		

<table>
<tr><th rowspan="2">BIL.</th><th rowspan="2">SPESIFIKASI</th><th colspan="2">PEMATUHAN</th></tr>
<tr><th>YA</th><th>TIDAK</th></tr>
<tr><td>6.2</td><td>Selain dari itu, pengawal-pengawal keselamatan hendaklah juga terdiri dari:

i. Warganegara Malaysia
ii. Anggota yang terlatih
iii. Umur antara 20 hingga 50 tahun
iv. Sihat tubuh badan dan mendapat pengesahan doktor
v. Lulus Tapisan Keselamatan dari Polis, dan Lelaki sahaja</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>6.3</td><td>Bilangan keanggotaan pengawal bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang diperlukan adalah seperti berikut:

<table><tr><th>SYIF</th><th>HARI/MASA</th><th>BILANGAN PENGAWAL</th></tr><tr><td>Siang</td><td>Isnin-Ahad
(Termasuk hari pelepasan Am)
(7.00 pagi-7.00 malam)</td><td>Dua (2) Pengawal Keselamatan</td></tr><tr><td>Malam</td><td>Isnin-Ahad
(Termasuk hari pelepasan Am)
(7.00 malam-7.00 pagi)</td><td>Dua (2) Pengawal Keselamatan</td></tr></table></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>7.</td><td colspan="3">KELENGKAPAN</td></tr>
<tr><td>7.1</td><td>Kontraktor hendaklah menyediakan kelengkapan seperti berikut sepanjang tempoh kontrak:

i. Pakaian seragam (lengkap dengan tanda nama)
ii. Cota, wisel, lampu picit, baju hujan, dan lain-lain yang berkaitan dengan tugas</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>8.</td><td colspan="3">TANGGUNGJAWAB</td></tr>
<tr><td>8.1</td><td>Pengawal hendaklah bertanggungjawab kepada Pengurusan Majlis atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>8.2</td><td>Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia berhak menentukan pelaksanaan perkhidmatan tersebut.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>8.3</td><td>Menyelenggara buku catatan di atas segala peristiwa atau kejadian berkaitan dengan keselamatan serta mengemukakan kepada Pengurusan Jabatan apabila diperlukan.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>8.4</td><td>Menghubungi pihak Majlis atau Ketua Jabatan, Polis, Bomba dan Hospital pada masa kecemasan atau waktu yang dirasakan perlu untuk melaporkan sesuatu keadaan yang bukan biasa.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>8.5</td><td>Memberi bantuan awal terhadap keperluan kecemasan termasuk kebakaran, masalah banjir dan kecederaan.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>8.6</td><td>Kontraktor bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemusnahan harta benda kerajaan akibat kecuaian anggota pengawalnya.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>8.7</td><td>Memastikan kesemua lampu dipadamkan apabila diperlukan. Begitu juga dengan pili air hendaklah ditutup.</td><td></td><td></td></tr>
</table>

BIL.	SPESIFIKASI	PEMATUHAN	
		YA	TIDAK
8.8	Melaporkan sebarang kerosakan atau bahaya yang berlaku dan yang mungkin akan berlaku kepada pihak kerajaan.		
8.9	Pengawal Keselamatan tidak boleh lalai atau tidur semasa bertugas.		
8.10	Pengawal Keselamatan tidak boleh mengguna harta benda milik Majlis, peralatan dan sebagainya untuk urusan peribadi.		
8.11	Pengawal Keselamatan hendaklah menjaga disiplin diri semasa sedang bertugas.		
8.12	Pengawal Keselamatan tidak boleh meninggalkan pos kawalan tanpa sebarang sebab yang munasabah.		
9.	**LAIN-LAIN**		
9.1	Masa perkhidmatan setiap giliran anggota pengawal adalah tidak melebihi 12 jam.		
9.2	Pihak Majlis berhak menasihati syarikat kontraktor untuk menukar atau memberhentikan Pengawal Keselamatan yang dirasakan kurang sesuai untuk bertugas di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.		
9.3	Pihak Majlis berhak memanggil Pengurus Syarikat Kontraktor apabila dirasakan perlu.		
9.4	Kontraktor keselamatan hendaklah mengikut arahan Majlis dari semasa ke semasa.		

Pengesahan daripada Penyebutharga:-

Tandatangan : .....

Nama : .....

Alamat : .....

.....

Cop Syarikat :

LAMPIRAN C : JADUAL TAWARAN HARGA / BILL OF QUANTITY

JADUAL TAWARAN HARGA
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

BIL.	PERIHAL BEKALAN/PERKHIDMATAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS** ****Nota : Harga adalah termasuk SST 6%**			
TEMPOH PENYERAHAN HENDAKLAH DIISI DI RUANGAN SEPERTI BERIKUT:- Tarikh Penyerahan/ Kontrak: ..... (*hari/minggu/bulan) *Sila sertakan sesalinan sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.			JUMLAH	**RM**
			JUMLAH KESELURUHAN ***Nota : sila isi jumlah keseluruhan pada borang sebutharga pada Lampiran A**	
Ringgit Malaysia :				

** Nota : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis berhak menambah atau mengurang jumlah bilangan bekalan/perkhidmatan mengikut keperluan

MAKLUMAT SYARIKAT			
Nama Syarikat	:		
Alamat Syarikat	:		
	.....		
No. Telefon	:	No.Faks	: .....
Email	:		
Person In-charge	:	No.Pendaftaran SST (Sekiranya ada)	: .....
		Cop Rasmi Syarikat	:

MAKLUMAT PERBANKAN			
Nama Bank	:	Cawangan Bank	: .....
Nama Akaun Bank	:	Nombor Akaun Bank	: .....

LAMPIRAN D : PERNYATAAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

PERNYATAAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH KEPADA SYARIKAT/ KONTRAKTOR/ FIRMA/ PERUNDING/ PENJAWAT AWAM ATAU MANA-MANA PIHAK YANG BERKAITAN

1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)

2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)

3. Tanpa Prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawak Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan

4. Mana-mana kontraktor atau penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengcegahan Rasuah 2009 (Akta 694)

LAMPIRAN E : KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

1. **Nama Syarikat** : .....
2. **Alamat Syarikat** : .....
   .....
   .....
3. **Alamat Premis Perniagaan (Jika berlainan dengan alamat syarikat):**
   .....
   .....
4. **Nombor Telefon** : .....
5. **Nombor Faksimili** : .....
6. **Alamat Email** : .....
7. **Tarikh Syarikat ditubuhkan** : .....
8. **Jenis Perniagaan** : .....
9. **Lembaga Pengarah** :

Bil.	Nama	No. K/P	Warganegara
(i)			
(ii)			
(iii)			
(iv)			
(v)			
(iv)			
(vii)			

10. **Nama Bank** : .....

11. **Alamat Bank** : .....

.....

12. **Modal Berbayar** :

13. **Modal yang Dibenarkan** :

14. **Kemudahan/ Nilai Overdraft** :

15. **Komposisi Modal** :

Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

		Bilangan Pemegang Saham	Jumlah Unit Saham	%
(a)	Bumiputera			
(b)	Bukan Bumiputera			

16. Komposisi Kakitangan :

		Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
(a)	Eksekutif			
(b)	Teknikal			
(c)	Perkeranian			
(d)	Buruh/Kakitangan Rendah			

17. Taraf Syarikat (Sila tanda (x) di petak yang berkenaan)

(a) Bumiputera ☐ Bukan Bumiputera ☐

(b) Syarikat Tempatan ☐ Luar Negeri ☐

18. Sebutharga Dengan Kerajaan/Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang telah tamat tempohnya:-

Jika penyebutharga pernah mengikuti kontrak dengan Kerajaan Malaysia atau Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis pada masa lalu, sila berikan butir-butir kontrak berkenaan dalam Borang Pengalaman Syarikat di **Lampiran H.**

19. Sebutharga Dengan Kerajaan atau Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang pernah ditamatkan atau Digantung:

Jika Penyebutharga pernah mengikut kontrak dengan nama-nama Jabatan Kerajaan atau Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis tetapi sebutharga itu telah ditamatkan atau digantung kerana perlanggaran syarat-syarat sebutharga, sila berikan butir-butir mengenai sebutharga, sila berikan butir-butir mengenai sebutharga berkenaan:

.....

.....

20. Lain-lain keterangan mengenai Sebutharga:

.....

.....

Saya mengaku bahawa segala keterangan di dalam adalah benar:

Tandatangan Penyebutharga	:	.....
Nama	:	.....
No. Kad Pengenalan	:	.....
Jawatan	:	.....
Cop Syarikat	:	.....

Tandatangan Saksi	:	.....
Nama	:	.....
No. Kad Pengenalan	:	.....
Jawatan	:	.....
Cop Syarikat	:	.....

LAMPIRAN F: SURAT AKUAN PEMBIDA

LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

MAIPs.(S) 30 JLD 9 BIL. 3/2023- SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

Saya ..... nombor K.P .....

Yang mewakili.....
(Nama syarikat)

nombor Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :

Cop Syarikat:

Catatan : i) * Potong mana yang tidak berkaitan.

LAMPIRAN G: SURAT PERWAKILAN KUASA

SURAT PERWAKILAN KUASA

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
A2, Taman Pengkalan Asam
Jalan Tuanku Syed Putra
01000 Kangar
Perlis
(U/P : Urusetia Perolehan)

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya ,.....
No. K/P ..... selaku pemilik syarikat.....
..... akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan **MAIPs.(S) 30 JLD 9 BIL. 3/2023 - Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Di Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis** **atau** *mewakili kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:-

a)	Nama	:	
b)	Alamat	:	
c)	Jawatan	:	
d)	No. K/P	:	
e)	No.Telefon	:	
f)	No.Faks	:	
g)	Alamat Email	:	
Nota : * Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya diwakili oleh individu selain daripada pemilik syarikat.			

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman / rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
Nama Pemilik Syarikat :
Jawatan :
Cop Syarikat :

LAMPIRAN H: PENGALAMAN SYARIKAT

BORANG PENGALAMAN SYARIKAT

1. Tender dan Sebutharga berkaitan

Nyatakan **Tender dan sebutharga berkaitan** yang telah disiapkan atau dalam perlaksanaan (sekurang-kurangnya 3 tahun). Format adalah seperti berikut:-

Bil	Projek	Tarikh Mula & Tamat	Tempoh Projek	Nilai (RM)	Kod Bidang	Nama Pelanggan & Contact Person

Nota: Sila tambah helaian baru jika ruangan tidak mencukupi.

LAMPIRAN I: FORMAT BON PELAKSANAAN

CONTOH BON PELAKSANAAN

JAMINAN BANK / JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN
JAMINAN INSIRANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sebagai balasan kepada Kontark No..... yang dibuat antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (kemudian daripada ini dirujuk sebagai MAIPs) dan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai *"Kontraktor"*) bagi membekal / menyerah/ melaksana/ menyiap .....(kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak"). Kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "penjamin) atas permohonan kontraktor, mengaku janji yang tidak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada MAIPs ke atas pelaksanaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.
MAKA penjamin dengan ini bersetuju dengan MAIPs seperti berikut:-

1. Apabila MAIPs membuat tuntutan bertulis, maka penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada MAIPs nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada kontraktor atau penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia.....(nyatakan nilai jaminan dalam perkataan (RM.....) dan bahwa tanggungan penjamin untuk membayar kepada MAIPs di bawah Jaminan ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. MAIPs berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendaki dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia :.....(nyatakan nilai dalam perkataan) (RM.....) dan liability Penjamin untuk membayar kepada MAIPs jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang doleh dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan samaada dengan atau tanpa Persetujuan Penjamin atau oleh sebarang penangguhan samada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh batal dn berkuatkuasa sehingga.....(kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Asal" *(Initial Expiry Date)* iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal *(Initial Expiry Date)* jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada tarikh Mati Asal *(Initial Expiry Date)* apabila diminta oleh MAIPs dan jaminan ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah aggregate maksimum yang lembaga berhak di bawah Jaminan ini mestilah dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM.....)

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Jaminan ini hendaklah luput apabila Jaminan in tamat pada Tarikh Mati Asal *(initial Expiry Date)* atau Tarikh Mati Lanjutan *(Extented Expiry Date)* melainan jika sebelumnya MAIPs telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. **SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTI DITERIMA OLEH PIHAK BANK/ SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAHLAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT MINGGU DARIPADA TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.**

Ditandatangani untuk dan bagi pihak penjamin di hadapan]
]
]
]

.....
Nama:.....
Jawatan :.....
Cop Bank/Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans:

.....
Nama :.....
Jawatan :.....
Cop Bank/Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans:

LAMPIRAN J: SENARAI SEMAK SEBUTHARGA

SENARAI SEMAK (BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan [√] bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Penyebutharga	Untuk Ditanda Oleh Urusetia Sebutharga MAIPs
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftran Dari Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
2	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Yang Dikeluarkan Oleh Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
3	Penyata Bank/Salinan Penyata Bank Yang Disahkan Bagi Tiga (3) Bulan Terkini Berturut-Turut.	☐	☐
4	Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat Malaysia (SSM) Atau Perniagaan (ROB) Yang Mana Berkenaan.	☐	☐
5	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri *(Optional)*	☐	☐
	Borang Berikut Yang Telah Dilengkapkan Dan Ditandatangani Sekiranya Perlu:-		
6	Borang Sebutharga (Lampiran Q)	☐	☐
7	Jadual Tawaran Harga / Bill Of Quantity	☐	☐
8	Keterangan Mengenai Syarikat	☐	☐
9	Surat Akuan Pembida	☐	☐
10	Surat Perwakilan Kuasa	☐	☐
11	Pengalaman Syarikat	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Nota : Senarai semakan perlu dihantar bersama-sama dokumen sebutharga.